

Lelaki mengaku ceroboh kawasan menara telekomunikasi

MIRI: Seorang lelaki berusia 45 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menceroboh masuk ke kawasan sebuah menara telekomunikasi di Bekenu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan pencerobohan jenayah dengan menceroboh masuk ke kawasan menara telekomunikasi Sacofa di Kampung

Jengalas, Bekenu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9 pagi, 25 Julai lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih enam bulan atau denda hingga RM3,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Hakim Afidah Abdul Rah-

man kemudian membenarkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM3,000 berserta dua penjamin tempatan dan menetapkan 26 Ogos depan sebagai tarikh sebutan lanjut kes di Mahkamah Majistret Batu Niah.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.